

**TEKS UCAPAN  
Y.A.A. TUN RAUS SHARIF  
KETUA HAKIM NEGARA**

**SEMPENA**

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN  
CEMERLANG TAHUN 2017**

**7 JULAI 2018 (SABTU) / JAM 2.00**

**PETANG**

**DEWAN BANKUET  
ISTANA KEHAKIMAN**

**BISMILLAHIRAHMANIRAHIM....**

**Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Seri Zulkefli Ahmad Makinudin**  
Presiden Mahkamah Rayuan

**Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Sri Ahmad Haji Maarop**  
Hakim Besar Malaya

**Yang Arif Hakim- Hakim Mahkamah Persekutuan dan**  
**Rayuan,**  
Merangkap Hakim- Hakim Pengurus

**Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah Haji Mohd Tahar**  
Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia

**Barisan Pengurusan Tertinggi**  
**Pejabat Ketua Pendaftar**

**Pengarah Mahkamah Negeri**

**Pengarah Bahagian, Pejabat Ketua Pendaftar**

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam**  
**Sejahtera.**

1. Terlebih dahulu, marilah sama-sama kita memanjatkan lafaz syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama hadir di **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017**.
2. Memandangkan kita masih dalam bulan Syawal yang mulia ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan **“Selamat Hari Raya kepada hadirin sekalian. Maaf Zahir dan Batin”**.
3. Tetapi Majlis hari ini bukan majlis menyambut Hari Raya, tetapi adalah Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2017. Majlis ini adalah untuk menghargai mereka yang telah menyumbang kecemerlangan kepada Badan Kehakiman.
4. Kepada semua bakal penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan “Anugerah Khas” pada petang ini, saya ucapkan **tahniah dan syabas**. Pemberian anugerah ini merupakan satu tanda penghargaan atas komitmen dan kesungguhan saudara dan saudari semua melaksanakan kerja dan tanggungjawab yang diberikan.

5. Diharap anugerah ini akan menjadi satu titik tolak untuk saudara dan saudari semua dalam mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan prestasi kerja pada masa-masa yang akan datang.
  
6. Sejak saya menjadi Ketua Hakim Negara pada 1 April 2017, saya telah melawat seluruh Mahkamah Negeri. Malah di Selangor, saya telah melawat hampir semua Mahkamah. Dalam lawatan tersebut saya telah banyak menekankan akan keperluan Mahkamah melupuskan kes-kes mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan kes-kes lama yang pra-2017 yang tertunggak diselesaikan. **Alhamdulillah**, saya sangat berbangga kerana hampir keseluruhan kes pra-2017 telah dapat diselesaikan. Untuk Mahkamah Majistret (Sivil dan Jenayah), pencapaian di kebanyakan negeri adalah 100%. Untuk Mahkamah Sesyen, ada juga negeri yang mencapai 100% pelupusan. Tahniah kepada semua. Teruskan kerja dan lipat gandakan usaha untuk memperkasa Badan Kehakiman.

7. Walaupun masih terdapat kes-kes pra-2017 yang tertunggak, **jumlahnya adalah kecil**. Saya berharap kes-kes tersebut akan dapat diselesaikan dengan kadar yang segera. Saya tahu kebanyakan kes-kes tersebut adalah dalam peringkat separuh bicara, jadi saya berharap, kes-kes tersebut dapat diselesaikan dalam satu atau dua bulan ini. Selewat-lewatnya tidak berlanjutan ke tahun hadapan. Di samping itu, kes-kes tahun 2017 juga perlu dipantau dan ia juga dapat diselesaikan pada akhir tahun 2018.

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

8. Sebagaimana diketahui umum, saya akan bersara pada 31 Julai 2018. Begitu juga dengan Yang Amat Arif Tan Sri Dato' Seri Zulkefli Ahmad Makinudin, Presiden Mahkamah Rayuan. Memang saya tidak akan lagi memantau prestasi saudara dan saudari, tetapi saya berharap budaya kerja yang telah diterapkan dan dipupuk selama ini akan diteruskan, tidak kira siapa yang akan menjadi Ketua Hakim Negara.

9. Keseluruhannya, saya memang berpuas hati dengan pencapaian pelupusan kes. Kita telah mencapai sasaran. Apa yang saya harapkan adalah supaya budaya kerja yang cemerlang ini, diamalkan oleh semua pada setiap masa. Saya juga dapati masalah kelewatan penyediaan alasan penghakiman telah berkurangan. Saya berharap alasan penghakiman yang tertunggak, tidak akan berlaku lagi. Pemantauan hendaklah dibuat secara berterusan oleh Pejabat Ketua Pendaftar.
  
10. Apapun kejayaan yang telah kita capai, kita tidak harus berasa selesa. Kita haruslah berlapang dada menerima kritikan. Antara kritikan yang saya terima ialah dalam usaha kita hendak melupuskan kes dalam tempoh masa yang ditetapkan, ada di antara kita yang mencari jalan mudah iaitu membatalkan kes untuk kes-kes sivil dan DNAA untuk kes-kes jenayah, apabila pihak-pihak tidak bersedia. Nasihat saya, dengarlah penjelasan pihak-pihak dan harap kurangkan kes-kes dilupuskan secara pembatalan (struck out) dan DNAA.

11. Satu perkara lagi yang harus diambil perhatian ialah mengenai penyediaan alasan penghakiman. Tulislah alasan penghakiman dengan baik. Jika menggunakan Bahasa Melayu, tulislah dalam laras Bahasa Melayu yang baik. Sekiranya, ditulis dalam Bahasa Inggeris, tulislah juga dalam laras Bahasa Inggeris yang boleh difahami. Saya berharap, pihak Pejabat Ketua Pendaftar akan menganjurkan banyak lagi kursus mengenai penyediaan alasan penghakiman di kalangan semua pegawai kehakiman.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

12. Setiap pencapaian yang cemerlang ada ganjarannya. Sepertimana yang telah saya umumkan semasa Anugerah Perkhidmatan Cemerlang tahun lalu, saya ingin sumbangkan “**Commemorative Plaques**”, iaitu **Plak Pusingan dan Plak Iringan** kepada Mahkamah Negeri yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam menyelesaikan kes-kes di Mahkamah mengikut tempoh masa (*time line*) yang ditetapkan, tidak ada kes-kes pra-2017 yang tertunggak dan tidak ada alasan penghakiman yang tertunggak. Pada hari ini, keputusan Mahkamah Negeri mana yang akan membawa pulang Plak Pusingan dan juga Plak Iringan tersebut akan diketahui.

13. Saya harap, anugerah khas ini akan menjadi pembakar semangat dan motivasi kepada saudara dan saudari agar berkerja keras dengan ikhlas dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab, demi memastikan kecemerlangan, bukan sahaja kepada Mahkamah di Negeri masing-masing, malah Badan Kehakiman keseluruhannya.
  
14. Kecemerlangan Badan Kehakiman Malaysia adalah atas kerjasama dan sokongan penuh daripada saudara dan saudari sekalian. Oleh sebab itu, saya menyeru semua yang hadir pada hari ini untuk sama-sama kita berganding bahu dan berusaha agar Badan Kehakiman Malaysia berjaya melaksanakan setiap tanggungjawab yang diamanahkan dan terus disegani dan disanjung tinggi. Saya berharap agar semua pegawai dan kakitangan Badan Kehakiman akan menjadikan kecemerlangan sebagai satu budaya kerja.

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

15. Sebagai penutup, saya sekali lagi mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Khas Tahun 2017.



16. Pada kesempatan ini, ingin saya rakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua Jawatankuasa kerja Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017, yang diketuai oleh **Yang Berbahagia Dato' Sri Latifah Haji Mohd Tahar, Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia**, kerana telah bertungkus-lumus untuk menjayakan penganjuran majlis pada hari ini dengan jayanya.

*Pekerja yang rajin jadi rebutan  
Statistik cemerlang jadi sasaran  
Jika kecemerlangan dibudayakan  
Anugerah khas kita berikan*

*Pergi kerja di awal pagi  
Kerja berpasukan bebanan dikongsi  
Pekerja cemerlang diraikan lagi  
Pembakar semangat tingkatkan prestasi*

Sekian, wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

